

Tidak munasabah cerita calonkan Tun M di Kemaman

Shah Alam: Adalah tidak munasabah untuk Perikatan Nasional (PN) mencalonkan Tun Dr Mahathir Mohamad bertanding pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kemaman, kata Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang

Justeru, katanya, andai ada pihak tertentu mahu menimbulkan cerita berhubung calon bagi mewakili gabungan PAS, BERSATU dan GERAKAN pada PRK dijadualkan 2 Disember depan itu, ia perlu dilakukan berlandaskan cerita yang munasabah.

“Tidak munasabah hendak timbulkan (cerita) berhubung calon PRK Kemaman, biarlah munasabah,” katanya pada sidang

media selepas merasmikan Muktamar PAS Ke-69 di Pusat Konsvensyen Ideal (IDCC) di sini, semalam.

Majlis perasmian muktamar itu turut dihadiri Dr Mahathir, buat pertama kali dalam tempoh enam dekad. Yang hadir sama, Pengerusi PN merangkap Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta pemimpin gabungan itu.

Ketibaan Dr Mahathir yang juga pernah menerajui BERSATU dan Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) pada kira-kira jam 10 pagi, diumumkan Setiausaha Agung PAS yang juga pengarah muktamar, Datuk Seri Takiyuddin Hassan sambil disambut



Abdul Hadi bersama Muhyiddin dan Dr Mahathir pada Perasmian Muktamar Tahunan PAS Ke-69 di IDCC, Shah Alam, semalam.

laungan takbir oleh perwakilan.

Sebelum ini, sebuah portal berita mendakwa PAS mungkin meletakkan Dr Mahathir sebagai calon PRK Kemaman supaya peranan semak dan imbang terhadap kerajaan dapat dilakukan lebih berkesan.

PRK itu diadakan selepas Mah-

kamah Pilihan Raya Terengganu pada 26 September lalu membatalakan kemenangan Che Alias Hamid yang mewakili PAS kerana perbuatan rasuah dengan tujuan mempengaruhi pengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Che Alias menang pada PRU15 selepas memperoleh 65,714 undi

bagi menewaskan Pengerusi UMNO Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said, calon Barisan Nasional (BN) yang mendapat 38,535 undi serta calon PEJUANG dan Pakatan Harapan (PH).

PEJUANG dilaporkan tidak akan meletakkan calon pada PRK Kemaman.